PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	31 JANUARY 2017

Persempadanan semula zaman Tun M tak fikir jangka panjang

BH – 31/1/2017

Tindakan gugat kuasa penentu kemenangan pengundi Melayu

Oleh Nazura Ngah
nazura_ngah@bh.com.my

Kuala Lumpur

Proses persempadanan semula di bawah pentadbiran Tun Dr Mahathir Mohamad pada 2003 disifatkan satu tindakan tanpa memikirkan kesan jangka panjang yang akhirnya menggugat kuasa penentu kemenangan dalam kalangan pengundi Melayu.

Tindakan itu yang didakwa satu langkah terbaik pada waktu itu hanya bersifat jangka pendek, sekali gus menyukarkan cita-cita menjadikan Malaysia sebuah negara Islam.

Setiausaha Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa, Majlis Profesor Negara, Prof Datuk Dr Abdul Halim Sidek, berkata niat dan matlamat Dr Mahathir ketika memegang tampuk kuasa selama 22 tahun hanya untuk menampakkan beliau seorang pemimpin yang layak bergelar negarawan dengan mewujudkan pelbagai wawasan.

Generasi kini menanggung

"Namun hakikatnya, kesan daripada tindakan itu terutama dalam isu persempadanan semula terpaksa ditanggung generasi hari ini yang terpaksa mencari jalan penyelesaian," katanya kepada *BH*.

Beliau diminta mengulas kenyataan Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, yang mengatakan pindaan Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan syariat Islam dilaksanakan memerlukan dua pertiga majoriti sokongan dalam Dewan Rakyat sedangkan jumlah Ahli Parlimen Islam tidak mencukupi.

Hadi dilaporkan berkata, keadaan itu berpunca daripada tindakan Dr Mahathir yang mewujudkan kawasan Parlimen campuran antara Islam dan bukan Islam dengan nisbah tertentu.

Selain itu Hadi berkata, Dr Mahathir turut meletakkan jumlah pengundi mencecah 100,000 dalam satu parlimen di Kedah, Terengganu, Kelantan dan utara Perak, berbanding sekitar 20,000 di Johor dan negeri lain.

Abdul Halim yang juga Profesor Undang-Undang, Pusat Pengajian Perniagaan Universiti Kuala Lumpur (UniKL), berkata umat Islam perlu bergabung tenaga dan bekerjasama secara taktikal khususnya bagi memenangkan lebih ramai wakil rakyat Islam pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

"Kerjasama antara UMNO dan PAS akan memastikan kelangsungan kerusi Islam, sekali gus mengembalikan kuasa penentu kemenangan kepada pengundi Melayu seperti disuarakan Ketua Pemuda PAS, Nik Mohamad Abduh Nik Aziz bahawa orang Islam perlu bersatu tanpa mengira parti.

"Untuk itu, UMNO dan PAS perlu bertolak ansur pada PRU-14 dengan masing-masing cuba tidak meletakkan calon di kerusi ditandingi sekutu," katanya.

Berlaku ketidakadilan

Sementara itu, pakar geostrategis, Azmi Hassan, berkata tindakan Dr Mahathir itu mewujudkan ketidaksamaan pemberat bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen, sekali gus bukan saja menyebabkan jumlah pengundi terlalu ramai, malah berlaku ketidakadilan apabila kawasan DUN dan Parlimen terlalu besar.

Katanya, disebabkan itulah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengesyorkan persempadanan semula kawasan Parlimen, namun mendapat tentangan semua parti politik kerana kelompok itu hanya menilai dari sudut kepentingan parti dan bukan kepentingan pengundi.

"Tidak adil kawasan Parlimen memiliki terlalu ramai pengundi daripada hanya satu kaum dan jika dihitung kawasan majoriti Melayu di Kelantan, Kedah dan Terengganu adalah sesuatu yang nyata.

"Diharapkan proses persempadanan semula diluluskan supaya keadaan lebih adil kepada pengundi di tiga negeri berkenaan," katanya.

Berdasarkan status ketika ini, katanya, amat sukar proses persempadanan dimuktamadkan jika PRU-14 diadakan sebelum suku kedua tahun ini berakhir tetapi jika pilihan raya umum diadakan hujung tahun kemungkinan proses dapat disempurnakan.